



DIDAKWA: Kedua-dua tertuduh diiring polis ketika berada di lobi kompleks Mahkamah Kuching semalam.

Dua lelaki dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan membunuh

KUCHING: Dua lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan membunuh seorang pemuda di sebuah pangsapuri di Jalan Sungai Tapang, Disember 2024.

Tertuduh, Chang Jun Khon, 32, dan Low Jee Boon, 34, hanya menganggu faham selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.

Tiada pengakuan direkodkan kerana kes berkenaan berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mahkamah kemudian menetapkan 16 Februari 2026 untuk serahan laporan bedah siasat sementara kedua-dua tertuduh tidak dibenarkan diikat jamin.

Berdasarkan pertuduhan, Chang dan Low bersama beberapa lelaki yang masih

bebas dengan niat bersama didakwa membunuh Francis Chang Ze, 22, pada 1 Disember 2024, sekitar jam 4.30 pagi.

Pertuduhan dikemukakan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun dan maksimum 40 tahun dan jika tidak dijatuhi hukuman mati, dihukum dengan sebatan tidak kurang daripada 12 kali, jika sabit kesalahan.

Selain Chang dan Low, turut didakwa melakukan kesalahan itu adalah tiga lelaki tempatan yang masing-masing berusia 44 tahun, 37 tahun dan 36 tahun.

Bagaimanapun, ketiga-tiga lelaki terbabit gagal hadir ke

mahkamah untuk sebutan kes pagi ini, justeru mahkamah mengeluarkan waran tangkap terhadap mereka.

Mahkamah memerintahkan waran tangkap ke atas kesemua lelaki berkenaan dikembalikan pada 16 Februari 2026.

Terdahulu, media melaporkan pada 1 Disember 2024, polis menerima panggilan sekitar jam 4.40 pagi memaklumkan berlaku pertengkaran di kompleks pangsapuri itu.

Setibanya di tempat kejadian, polis mendapati mangsa maut ditetak di salah sebuah bilik unitnya.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Chuah Khai Sheng dan Ahmad Fauzulufi Suriani sementara kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.